

٧- بَابُ مِنَ الْإِيمَانِ أَنْ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

(7) Bab: Sikap Seseorang Yang Suka Untuk Saudaranya Apa Yang Ia Suka Untuk Dirinya Adalah Sebahagian Daripada Iman.¹³⁰

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبَرَكَةٌ طَيِّبَةٌ

Bermaksud: ...Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) dirimu sendiri, salam yang ditetapkan dari sisi Allah, yang diberi berkat lagi baik... (an-Nur: 61).

Tersebut di dalam aatsaar para sahabat dan tabi'in lafaz salam ketika hendak masuk ke tempat yang tidak berpenghuni. Antaranya ialah atsar Ibnu 'Umar berikut. Kata beliau: إِذَا نَخَلَ الْبَيْتَ غَيْرِ: الْمَسْكُونِ فَالْيَقُلُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ Bermaksud: Apabila (seseorang) hendak masuk ke rumah yang tidak berpenghuni, dia hendaklah mengucapkan (salam sejahtera ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang saleh). (Atsar riwayat Bukhari di dalam al-Adabu al-Mufrad dan Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya. Ia bertaraf hasan.).

Hukum memberi salam adalah sunat. Menjawab salam pula wajib. Tetapi memberi salam lebih afdhal daripada menjawab salam, kerana orang yang memberi salam lebih bersifat tawaadhu' dan lebih baik hati daripada orang yang menjawab salam. Walaupun hukum asal menjawab salam wajib, namun para 'ulama' mengecualikan orang-orang yang berada dalam keadaan-keadaan tertentu daripada hukum wajib itu. Al-Hafiz Jalaluddin as-Suyuthi menyebutkan 20 semuanya dan mengumpulkannya dalam beberapa rangkap nazam. Di bawah ini dikemukakan nazam beliau itu:

رَدُّ السَّلَامِ وَاجِبٌ إِلَّا عَلَى ٥ مَنْ فِي صَلَاةٍ أَوْ بِأَكْلِ شَعْلَا
أَوْ فِي قِرَاءَةِ كَذَاكَ الْأَدْعِيَةِ ٥ أَوْ ذِكْرٍ أَوْ فِي خُطْبَةٍ أَوْ تَلْبِيَةٍ
أَوْ فِي قَضَاءِ حَاجَةِ الْإِنْسَانِ ٥ أَوْ فِي إِقَامَةِ أَوْ الْأَذَانِ
أَوْ حَاجِمٍ أَوْ نَاعِسٍ أَوْ نَائِمٍ ٥ وَحَالَةَ الْجَمَاعِ وَالْتَحَاكُمِ
أَوْ سَلَّمَ الْوَلَدُ أَوْ السُّكْرَانُ ٥ أَوْ شَابَةٌ يُخْشَى بِهَا افْتِتَانُ
أَوْ كَانَ فِي الْحَمَامِ أَوْ مَجْنُونًا ٥ فَهَذِهِ مَجْمُوعُهَا عَشْرُونَ

Bermaksud: Jawab salam wajib kecuali kepada: (1) orang yang sedang bersembahyang, (2) sedang makan atau (3) sedang membaca al-Qur'an. Demikian juga (4) orang yang sedang berdoa, (5) berzikir, (6) berkhotbah, (7) bertalbiah atau (8) sedang qadha hajat (buang air), (9) beriqamat, (10) melaungkan azan, (11) berbekam, (12) mengantuk atau (13) sedang tidur. Dan (14) ketika sedang bersetubuh dan (15) sedang mengadili perbicaraan atau (16) kanak-kanak, (17) orang mabuk, (18) gadis perawan yang ditakuti akan terpesona dengannya yang memberi salam atau (19) ketika berada di bilik air atau (20) dalam keadaan gila. Jumlah semuanya ialah dua puluh. (lihat Sulaiman bin Muhammad al-Bujairimi- Tuhfatu al-Habib 'Ala Syarhi al-Khathib j. 3 m/s 488, ad-Dimyaathi-l'aanatu at-Thaalibin j. 4 m/s 191, ar-Ramli- Nihaayatu al-Muhtaaj j. 26 m/s 366, Ibnu 'Aabidin as-Syami- Raddu al-Muhtaaj j.4 m/s 428).

¹³⁰ Di dalam bab-bab di bawah Kitabul Iman, Imam Bukhari sering kali meletakkan perkataan iman di tempat yang zahirnya menghendaki perkataan Islam. Di tempat yang zahirnya

المُعَلِّمُ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

menghendaki perkataan Islam pula beliau sering kali meletakkan perkataan iman. Kadang-kadang kedua-dua perkataan itu di dahulukan dan kadang-kadang pula dikemudiankan. Tafannun (kemahiran / kepelbagaian seni) Bukharilah yang mendorong beliau melakukan semua itu agar kitab karangannya ini tidak menjemukan para pembaca. Selain itu, di sana mesti ada sesuatu yang sepatutnya menarik perhatian pembaca hadits. Oleh kerana Rasulullah s.a.w. menyebutkan لا يؤمن dahulu di dalam hadits Baginda, Bukhari merasakan elok kalau perkataan iman di sebutkan dahulu di dalam tajuk bab yang dibuatnya. Di dalam hadits 12 sebelum ini: نَطْعِمُ الطَّعَامَ وَنَقْرَأُ السَّلَامَ tidak tersebut perkataan Islam atau iman, sama ada di hadapan atau di belakang. Tetapi perkataan Islam ada tersebut dalam pertanyaan sahabat. Kerana itulah Bukhari mengemudikannya dalam tajuk bab. Di dalam tajuk babnya Bukhari menyebutkan perkataan Islam kerana perkataan itu tersebut dalam pertanyaan sahabat, di samping perbuatan memberi makan dan memberi salam juga termasuk dalam amalan zahir yang lebih relevan dengan Islam. Oleh kerana hadits 13 membicarakan tentang iman dan cinta atau suka, dan kedua-duanya berkaitan dengan hati, Imam Bukhari menyebutkan perkataan iman di dalam tajuk bab (7) di atas. Daripada segi kesinambungan bab ini dengan bab sebelum dan selepasnya, maka seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa bab (7) merupakan tahap kesempurnaan iman yang ketiga. Sila semak sekali lagi perbincangan tentang tahap-tahap kesempurnaan iman pada nota: 125 yang lalu.

¹³¹ “Dan daripada Husain al-Mu'allim” adalah terjemahan kepada وَعَنْ حُسَيْنِ الْمُعْلَمِ. Wau pada adalah Wau 'Athaf. Ma'thuf 'alainya ialah Syu'bah. Taqdirnya عن قتادة كلاهما وحسين عرتinya ialah Yahya bin Sa'id selain meriwayatkan daripada Syu'bah, meriwayatkan juga daripada Husain al-Mu'allim. Dan mereka berdua meriwayatkan daripada Qataadah. Persoalan yang mungkin timbul di sini ialah kenapakah Imam Bukhari tidak menggunakan ح tahwil saja untuk menyatakan pertukaran sanad, sebaliknya beliau menggunakan haraf 'athaf? Ada tiga jawapannya: (1) kerana ada perbezaan di antara riwayat Syu'bah daripada Qataadah dengan riwayat Husain al-Mu'allim daripada Qataadah. Syu'bah meriwayatkan daripada Qataadah secara 'an'anah, sedangkan Husain al-Mu'allim meriwayatkan daripada Qataadah secara tahdits. (2) kerana guru beliau iaitu Musaddad sebenarnya telah mengemukakan dua saluran riwayat di atas secara berasingan. Bukhari saja mengemukakan kedua-duanya di satu tempat menggunakan haraf 'athaf supaya riwayat yang sama tidak berulang dua kali. (3) Oleh kerana riwayat Syu'bah daripada Qataadah secara 'an'anah, ia boleh mewahamkan sanad yang terputus (انقطاع السند), kerana Qataadah terkenal sebagai perawi mudallis. Dengan menggandingkan riwayat Husain al-Mu'allim secara tahdits boleh menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul itu. Tiga sebab inilah yang menghalang Bukhari daripada menggunakan ح tahwil di sini. Kerana ح tahwil

Husain (bin Zakwaan m.145H) al-Mu'allim, katanya, Qataadah telah meriwayatkan kepada kami daripada Anas daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: "Tidak beriman¹³² seseorang daripada kamu selagi dia tidak menyukai untuk saudaranya apa yang disukainya untuk dirinya (sendiri)."¹³³

mengisyaratkan kepada persamaan bentuk riwayat dua orang murid yang berbeza. Pendapat sesetengah pensyarah Sahih Bukhari yang mengatakan saluran riwayat Husain al-Mu'allim mu'allaq adalah salah. Ia juga maushul dengan sanad yang telah tersebut sebelumnya. Abu Nu'aim juga di dalam Mustakhrajnya meriwayatkan daripada Ibrahim al-Harbi daripada Musaddad, guru Bukhari daripada Yahya bin Sa'id al-Qatthaan daripada Husain al-Mu'allim daripada Qataadah daripada Anas daripada Nabi s.a.w. Kemusykilan sekali lagi timbul kerana Qataadah juga meriwayatkan hadits ini daripada Anas secara 'an'anah. Sedangkan Qataadah terkenal sebagai perawi mudallis. Jawapan bagi kemusykilan ini ialah Imam Ahmad dan Nasaa'i di dalam riwayat masing-masing menyebutkan dengan jelas tentang Qataadah mendengar hadits ini daripada Anas. Dengan itu tiada lagi apa-apa masalah berhubung dengan tadlis Qataadah. Sebenarnya riwayat Syu'bah daripada Qataadah sahaja, walaupun secara 'an'anah sudah menjamin Qataadah tidak mengamalkan tadlis dalam meriwayatkan hadits Anas di atas. Ini kerana Syu'bah adalah seorang yang sangat keras dalam masalah tadlis. Beliau sama sekali tidak akan menerima riwayat Qataadah yang mudallas. Antara kata-kata celaan Syu'bah tentang tadlis yang dinukilkan oleh para 'ulama' hadits ialah: (1) التّدليس أخو الكذب Bermaksud: Tadlis adalah saudara dusta. (Ibnu as-Shalah- Muqaddimah Ibnu as-Shalah m/s 45, as-Suyuthi- Tadribu ar-Raawi j.1 m/s 228). (2) لأن أقع من السماء فأنقطع أحب إلي من أن أدلس Bermaksud: Aku jatuh dari langit lalu hancur lebih baik lagi bagiku daripada melakukan tadlis. (Az-Zahabi- Siyaru A'laami an-Nubalaa' j.7 m/s 220, Tazkiratu al-Huffaaz j.1 m/s 145). (3) لأن أزني أحب إلي من أن أدلس Bermaksud: Aku berzina lebih baik lagi bagiku daripada aku melakukan tadlis. (Az-Zahabi- Siyaru A'laami an-Nubalaa' j.7 m/s 210, as-Suyuthi- Tadribu ar-Raawi j.1 m/s 228).

¹³² Penafian iman oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini tidak harus difahami sebagai penafian total, dengan erti orang yang tidak bersifat seperti yang disebut Baginda s.a.w. itu bukan lagi seorang Islam atau ia sudah jadi kafir dengan sebabnya. Penafian di sini menurut Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah, haruslah difahami dengan salah satu daripada dua ma'na berikut: (1) Menafikan kesempurnaan iman. Ertinya ialah orang yang tidak bersifat begitu, tidak sempurna imannya. (2) Ia hanya merupakan penggunaan satu metode ilmu Balaghah yang popular sahaja, iaitu: تنزيل الناقص منزلة المعلوم (mengira sesuatu yang kurang itu sebagai tiada saja). Tujuannya ialah mengingatkan seorang akan maksud sebenar menjadi seorang mu'min. Apalah erti seorang mu'min, kalau sifat yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. tidak ada padanya! Seseorang memang tidak layak pun memakai gelaran mu'min jika tidak mempunyai sifat seperti itu. Tidak ada bezanya mu'min seperti itu dengan bukan mu'min.

¹³³ Ada beberapa maksud hadits ini. Antara lainnya ialah: (1) Seseorang mu'min yang sempurna imannya akan suka dan gembira jika saudara seagamanya memperolehi apa-apa yang baik berupa kejayaan, keuntungan, kemuliaan dan lain-lain seperti ia sendiri suka dan gembira jika memperolehinya. Di dalam hatinya langsung tidak ada ruang untuk perasaan dengki dan iri hati terhadap saudara seagama. (2) Sesetengah 'ulama' berpendapat, maksud hadits ini ialah jika

٨- باب حُبِّ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْإِيمَانِ

(8) Bab: Cintakan Rasul s.a.w. Adalah Sebahagian Daripada Iman.¹³⁴

١٤- حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَوْلَ الَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

14- Abu al-Yaman (al-Hakam bin Naafi') meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib (bin Abi Hamzah) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu az-Zinad ('Abdullah bin Zakwaan m.130H) meriwayatkan kepada kami daripada al-A'raj ('Abdur Rahman bin Hurmuz m.117H) daripada Abi Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Demi

seorang meminta pandangan atau saranan anda, apa saranan yang sepatutnya anda berikan untuknya? Jawabnya ialah apa yang anda sendiri suka dan mahukan sekiranya anda yang berada di tempatnya. Jika dia berurusan dengan anda, anda hendaklah melayaninya seperti mana anda sendiri suka dilayaninya. Orang yang mengamalkan hadits ini akan berfikir setiap kali hendak berurusan dengan orang lain. Ia akan berfikir bahawa kalau aku berada di tempatnya, adakah aku suka dibuat begini? Kalau suka bolehlah diteruskan. Kalau tidak suka janganlah diteruskan. (3) Mu'min atau muslim yang sempurna ialah orang yang meleburkan egonya di hadapan kepentingan saudara-saudara seagamanya sehingga mereka menjadi seperti dirinya sendiri. (4) Sebagaimana kamu mempunyai perasaan suka dihormati, dilayani secara adil, dihargai atas sesuatu usaha baik yang dilakukan, diberikan hak-hak yang sepatutnya diterima, diberi kebebasan yang sewajarnya, dipandang mulia disayangi dan lain-lain, begitulah juga kamu suka untuk saudara seagamamu.

Hadits ini adalah salah satu daripada lima hadits utama pilihan Imam Abu Hanifah. Ia juga salah satu daripada empat hadits utama pilihan Imam Abu Daud.

¹³⁴ Bab ini diadakan Bukhari untuk membuktikan adanya tahap kesempurnaan iman yang keempat, iaitu tahap إِيثار atau tahap melebihkan orang lain daripada diri sendiri. Dalam Islam orang yang dikehendaki kita melebihkannya daripada bapa, anak, isteri dan diri kita sendiri ialah Rasulullah s.a.w. Hakikat inilah yang terpahat di dalam hadits 14 dan 15 di bawah bab ini. Kalau bab (7) sebelum ini mendahulukan rangkai kata الإيمان من, bab (8) ini pula meletakkannya di belakang sekali. Ini semua termasuk dalam tafannun Imam Bukhari.